



NEGARAKU TERCINTA



Malaysia Negaraku

Malaysia
negaraku indah
rakyat bersatu
pelbagai budaya.

Malaysia
negaraku tercinta
bersama majukan negara
demi masa hadapan.



Aktiviti


Murid menyatakan maklumat berdasarkan sajak dan gambar.



BUDAYA KITA



Mendengar dan Bertutur



Pakaian Tradisi

SIONAL

Nizam, pakaian tradisi orang Melayu cantik.

Lelaki Melayu memakai baju Melayu dan seluar panjang. Mereka juga memakai sampin dan songkok.

Benar, Jagu. Pakaian orang Melayu menarik.

Wanita Melayu pula memakai 

Baju Kebaya
- Diperbuat daripada kain kasa
- Dipakai bersama kain batik atau songket

Sari
- Diperbuat daripada sehelai kain yang tidak berjahit sepanjang empat ke sembilan meter
- Si pemakai perlu memakai anak baju yang ketat sebelum sari dililit dari pinggang dan dilempang pada bahu kiri dengan tiga hingga empat kali

Baju Ceongsam
- Diperbuat daripada sutera
- Kebiasannya berwarna merah

Aktiviti

Menyampaikan maklumat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid berbual untuk menyampaikan maklumat berdasarkan bahan.
- KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Menghargai tradisi
- KP – Interpersonal

1.2.2
BA: 1



Membaca

Penganan Kak Doli

Penganan ialah hidangan istimewa pada Hari Gawai. Oleh itu, Kak Doli hendak membuat penganan.



Kak Doli menggunakan tepung beras, gula apong, air dan minyak masak.



Kak Doli **membancuh** tepung beras dengan gula apong dan sedikit air.



Selepas itu, Kak Doli **menuangkan** bancuhan itu ke dalam kuali.



Kak Doli **meng goreng** penganan sehingga masak.



Kak Doli **menghidangkan** penganan kepada tetamu.

Aktiviti

Menaakul gambar untuk menyatakan perkataan dan membina ayat.



- Bimbing murid menaakul gambar untuk menyatakan perkataan dan membina ayat daripada perkataan tersebut.

KB – Menaakul
EMK: Nilai Murni – Menghargai tradisi

Pembelajaran Konstruktivisme

2.2.1 (i)
BA: 2-3



Menulis

Tarian Datun Julud



A

Tarian Datun Julud terkenal di Sarawak. Tarian ini boleh ditarikan secara berseorangan atau berkumpulan. Penari tarian ini ialah gadis Kenyah. Mereka biasanya memakai pakaian tradisional. Ada bulu burung kenyalang di jari penari. Mereka menghentak kaki dan bertepuk tangan. Tarian mereka mengikut iringan alat muzik, sape.

B

Jagu berkunjung ke rumah panjang di Long Busang. Semasa di sana, dia menyaksikan tarian Datun Julud. **Empat orang gades Kenyah sedang menarikan tarian ini. Mereka memakai pakayan tradisional. Jagu melihat bulu burung kenyalang di jari penari. Bunyi alat musik sape mengiringi tarian mereka. Para penari menghentak kaki dan bertepuk tangan.**

Aktiviti

Mengedit kesalahan ejaan.



- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan ejaan dalam Teks B berdasarkan Teks A.
 - Minta murid menyalin teks dengan ejaan yang telah diedit.
- KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Menghargai budaya
- Pembelajaran Kontekstual

3.3.2 (i)
BA: 4-5



Kata Berimbuhan Akhiran

Pesta Tamu Besar

Keluarga Jagu pergi ke Pesta Tamu Besar. Ada banyak acara di pesta tersebut. Antaranya ialah **jualan**, pertunjukan pentas dan acara berkuda.

Ayah, **benarkan** saya menaiki kuda.

Baiklah, Jagu. Ayah izinkan.



Ibu, **belikan** saya rantai kunci ini.



Banyak hasil **tanaman** dijual di sini.



Jagu, di sana ada persembahan **tarian**.



Aktiviti

Menggunakan kata berimbuhan akhiran dengan betulnya.



- Bimbing murid mengenal pasti perkataan berimbuhan akhiran.

KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Kesyukuran

Pembelajaran Kontekstual

5.2.1 (ii)
BA: 6